

Program WAH bakal miliki laman sesawang

PUSAT Promosi Kesihatan (PPK) menandatangani Perjanjian Kontrak dengan DotRoot Technologies yang ditandatangani oleh Ketua PPK, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Kassim (dua, kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif DotRoot Technologies, Awang Haji Muhammad Saufi

Oleh : Nooratini Haji Abas / Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mei. - Program WAH 2.0 merupakan sebuah program kolaborasi perkongsian awam swasta, Kementerian Kesihatan dan Gleneagles Pusat Perubatan Jerudong Park Sdn. Bhd. bagi peringkat kedua, tahun 2020 / 2021.

Program tersebut dijalankan di 13 buah kementerian, iaitu Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Pertahanan; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Pendidikan; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Kementerian Pembangunan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan Kementerian Tenaga.

Salah satu komponen Program WAH adalah sesi pendidikan kesihatan melalui dalam talian mengenai risiko penyakit tidak berjangkit, termasuk penyakit jantung dan diabetes, amalan pemakanan sihat, asas senaman dan kegiatan fizikal, bahaya merokok dan langkah-langkah berhenti merokok serta langkah-langkah menangani stres dan kesihatan mental.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan (PPK) hari ini mengadakan Majlis Penandatanganan Perjanjian Kontrak dengan DotRoot Technologies untuk membina laman sesawang Program WAH.

Mewakili bagi pihak Kementerian Kesihatan, Ketua PPK, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Kassim dan Timbalan Ketua (1) PPK, Awang Haji Zakaria bin Haji Kamis.

Manakala bagi pihak DotRoot Technologies diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Awang Haji Muhammad Saufi bin Haji Jamahat bersama dengan Ketua Pegawai Teknikal (CTO) DotRoot Technologies, Awang Muhammad Adli bin Tebian.

Laman sesawang tersebut nanti boleh diakses oleh warga Perkhidmatan Awam bagi tujuan untuk mengikuti pelbagai kursus dalam talian.

Antara isi kandungan yang akan dikongsikan di dalam laman sesawang tersebut ialah video bersiri topik kesihatan, kuiz soal jawab dan pendaftaran cabutan bertuah.

[Close \(/Lists/Berita 2018/AllBerita_2018.aspx\)](#)